

# ASPEK KELEWAHAN DALAM LAPORAN AKHBAR ATAS TALIAN *REDUNDANCIES IN ONLINE NEWS REPORTS*

**Hamidah Abdul Wahab**

Centre for Language Studies, Universiti Malaysia Sarawak  
awhamidah@cls.unimas.my

## **Abstrak**

Pelaporan sesuatu mesej menggunakan bahasa yang jelas serta tepat amat penting dalam penulisan laporan akhbar. Justeru, amalan kelewahan dalam konteks ini wajar dielakkan bagi memberi pemahaman yang lebih menyeluruh kepada pembaca, bukan sahaja dari segi kandungannya, malah meliputi sudut penggunaan bahasanya. Berasaskan hal ini, kajian ini akan meneliti aspek kelewahan dalam laporan akhbar tempatan atas talian. Dengan menggunakan kaedah pemerhatian berserta huraian deskriptif, tinjauan terhadap laporan akhbar tempatan atas talian menunjukkan bahawa unsur kelewahan adalah ketara dari sudut imbuan pada leksikal dan penggunaan perkataan. Merujuk fenomena ini, disarankan agar penulis laporan akhbar mengambil inisiatif memantapkan mutu penulisan mereka, terutamanya dari segi pematuhan terhadap aspek nahu. Langkah ini perlu digiatkan oleh penulis bagi menghasilkan berita akhbar yang lebih bermutu, khususnya dari segi penulisan dan kandungannya, dan pada masa sama berupaya menonjolkan sisi kepengarangan penulis yang lebih beretika dalam menggunakan bahasa utama negara. Hal ini adalah sejajar dengan penghormatan yang harus diberi kepada status bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa rasmi Malaysia.

**Kata kunci:** laporan akhbar, nahu, kelewahan, bahasa Melayu

## **Abstract**

*Reporting of messages using precise and clear language is pertinent in news report writing. Thus, redundancies in such context should be avoided in order to provide a more complete comprehension to the readers not only in terms of content but also the use of language. This study scrutinises the aspect of redundancies in online news reports. Using observations and descriptive explanation, reviews on local online news reports revealed that redundancies are apparent in the news reports in terms of lexical affixes and the use of words. In this phenomenon, newspapers report writers are advised to take initiative to improve the quality of their writing especially in adhering to the grammar. To produce better news, this step needs to be enhanced, particularly from the aspect of the writing and the content, while portraying the more ethical side of the writer's reporting in using the country's main language in line with its status as the official language of Malaysia.*

**Keywords:** news report, grammar, redundancies, Malay language

## Pendahuluan

Perkataan “lewah” membawa makna berlebih-lebih sehingga bertambah perkara, hal dan sebagainya yang tidak perlu, misalnya perkataan dalam ayat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, p. 934). Berdasarkan Lee dan Raja Masittah Raja Ariffin (2007, p. 221) pula, konsep kata lewah merujuk kepada penggunaan yang berlebih-lebihan sehingga bertambah perkara yang tidak perlu atau berlaku ulangan makna yang sia-sia. Misalnya menerusi contoh “penjahat yang jahat itu mencuri”. Dalam contoh ini, pengulangan perkataan “penjahat” berserta frasa “yang jahat” sudah menunjukkan unsur kelewahan kerana wujud ulangan kata yang tidak diperlukan dalam binaan tersebut. Selain itu, frasa “mempersetujui permintaannya” dikategorikan sebagai kelewahan kerana kehadiran imbuhan *memper-...-i* bagi kata dasar “setuju”. Imbuhan yang tepat untuk kata ini ialah *meN-...-i*, iaitu *menyetujui*. Hal ini demikian kerana kehadiran apitan *meN-...-i* dalam contoh tersebut membentuk kata kerja terbitan yang bersifat transitif, iaitu memerlukan satu objek.

Dalam lingkungan nahu bahasa Melayu, kelewahan melibatkan beberapa elemen seperti imbuhan, perkataan, frasa dan ayat. Malah, wujud kelewahan dari sudut pengulangan idea dalam karangan. Berdasarkan definisi dan pengertian ini, unsur lewah dalam penulisan, khususnya penulisan formal seperti laporan akhbar wajar dihindari kerana kehadiran elemen tersebut akan menjejaskan aspek nahu. Aspek kelewahan ini dapat dikategorikan sebagai salah satu kesalahan dalam penggunaan nahu kerana wujudnya unsur yang tidak gramatis dalam binaan ayat. Selain itu, kepersisan ayat akan terganggu dan pada masa sama berupaya merencatkan kefahaman pembaca dalam konteks yang lebih luas, yakni merangkumi sudut nahu bahasa Melayu dan kandungan laporan berita akhbar itu sendiri.

Berdasarkan Asmah Omar (2007, pp. 112-113), akhbar dimaksudkan juga surat khabar harian, buletin berkala dan makalah, dan medium ini bertujuan menyebarkan maklumat kepada khalayak, di samping mempunyai edaran yang sangat luas dari segi kawasan geopolitik, selain merentasi semua golongan umur dan lapisan sosial masyarakat. Takrifan ini menjelaskan kepada umum tentang upaya dan peranan akhbar dalam menyebarkan luas informasi kepada para pembaca. Namun, dalam konteks dunia tanpa sempadan yang dilengkapi kemudahan teknologi komunikasi terkini, akses terhadap akhbar atas talian dilihat lebih mudah kerana pembaca dapat melayari laman tersebut pada bila-bila masa, asalkan memiliki gajet tertentu dan kemudahan internet. Maka, dengan kelebihan teknologi ini, bahan berita yang sampai kepada pembaca akan lebih pantas dengan capaian audiens yang lebih ramai. Dalam hal ini juga, lebih ramai pembaca akan terdedah kepada laporan akhbar secara atas talian, sama ada berita tersebut tinggi mutu penulisannya ataupun sebaliknya.

Secara khusus, kajian ini akan memfokus kepada aspek kelewahan yang terdapat dalam laporan akhbar Utusan Borneo atas talian, beralamat; <http://www.theborneopost.com>, iaitu kategori berita setempat dari bulan Ogos 2012 hingga Oktober 2012. Kategori berita setempat dipilih sebagai data kajian kerana klasifikasi ini memuatkan laporan berita semasa, iaitu bentuk penulisan yang menggunakan kata bersifat umum dan mudah difahami pembaca. Berdasarkan Asmah Omar (2007, p. 114), jenis pemberitaan akhbar seperti laporan peristiwa semasa merupakan bentuk berita yang am sifatnya, yakni tidak ada kecenderungan kepada bidang tertentu. Justeru, kata dan ungkapan yang digunakan sebahagian besarnya diambil daripada perbendaharaan am (*general vocabulary*). Dengan huraian ini, diandaikan bahawa tahap penggunaan bahasa dalam penulisan laporan akhbar kategori tersebut bersifat sederhana dari segi pemilihan kata dan tahap bahasanya, namun masih difahami oleh golongan pembaca umum.

## Dapatan dan Perbincangan Aspek Kelewahan

Menerusi penelitian yang dilakukan terhadap laporan-laporan akhbar Utusan Borneo atas talian, terdapat dua aspek kelewahan yang sangat dominan berbanding elemen-elemen kelewahan yang dinyatakan sebelum ini, iaitu; (i) imbuhan, dan (ii) perkataan. Bagi kelewahan penggunaan imbuhan pada perkataan, didapati bahawa imbuhan yang terlibat ialah imbuhan awalan dan imbuhan apitan sahaja, manakala bagi aspek kelewahan perkataan melibatkan unsur pengulangan leksikal dalam sesuatu ayat. Berikut merupakan penjelasan dan huraian kesalahan yang dimaksudkan;

### 1. Kelewahan Penggunaan Imbuhan

#### i. Apitan *memper-...-I* “

Berdasarkan Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2011, pp. 211-212), apitan ini tidak begitu produktif dan kata-kata yang dapat bergabung dengan apitan ini tidak banyak. Penggunaan apitan ini adalah untuk menyatakan makna khusus bagi sesuatu perbuatan kata kerja, misalnya *memperingati*. Bentuk-bentuk yang lazim digunakan seperti *memperolehi*, dan *memperbaiki* seperti dalam contoh ayat di bawah, serta beberapa contoh lain; *memperdalami*, *memperkuasai* dan *memperhalusi* dianggap melewah dalam konteks penulisan formal. Penggunaan imbuhan yang tepat bagi kata-kata dalam contoh ayat di bawah ialah apitan *men-...-i* untuk *membbaiki* dan awalan *memper-*, untuk *memperoleh*. Manakala apitan *meN-...-i* dan awalan *memper-* dapat digunakan untuk *memperhalus*.

- a. Lawrence berkata, pengurusan sistem parkir bawah syarikat kontraktor diharap akan **memperbaiki** sistem sedia ada selain menyediakan sistem parkir yang moden.  
(*MBM Boleh Kaut RM1 Juta Setahun Dari Sewa Parkir, 29 September 2012*)
- b. “Semakin membesar anak itu kelak, semakin sukar untuk dia berdepan dengan situasi yang seolah-olah ‘melayan’ dia seperti warga asing, tanpa **memperolehi** sebarang kemudahan dan faedah daripada kerajaan kerana tidak memiliki sijil kelahiran atau kad pengenalan,” katanya.  
(*Jangan Abaikan Hak Anak, 30 Ogos 2012*)
- c. Timbalan Menteri Datuk Dr Wee Ka Siong berkata, pengarah JPN perlu **memperhalusi** sebab dan tujuan kutipan derma itu sebelum memberikan kelulusan.  
(*Wee: Kementerian Pelajaran Tidak Halang Inisiatif PIBG Kumpul Dana, 10 Ogos 2012*)

#### ii. Apitan *memper-...-kan*

Berdasarkan Nik Safiah Karim et al. (2011, pp. 209-210), apitan *memper-...-kan* dapat digunakan dengan dua golongan kata, iaitu kata nama dan kata kerja. Apabila apitan ini digunakan dengan kata kerja, pengertian yang wujud ialah menyebabkan orang lain melakukan perbuatan yang terkandung dalam maksud kata kerja, misalnya “memperdengarkan”; menyebabkan orang mendengar. Manakala apitan *memper-*

...-kan yang digunakan dengan kata nama membawa maksud kausatif, iaitu menjadikan atau menyebabkan, misalnya "mempersaudarakan"; menjadikan seperti saudara. Dalam contoh-contoh di bawah, penggunaan apitan ini didapati tidak gramatis dan melewah. Hal ini demikian kerana, imbuhan yang tepat ialah *memper-* kerana diikuti oleh bentuk kata adjektif. Imbuhan awalan *memper-* digunakan dengan kata adjektif untuk membawa maksud menjadikan lebih atau bertambah (Nik Safiah Karim et al., 2011, p. 210). Dalam hal ini, kata adjektif seperti *luas* dan *besar* hanya menerima imbuhan *memper-*, bukannya apitan *memper-*kan seperti berikut;

- a. Kementerian Pelajaran perlu melihat beberapa faktor secara teliti sebelum menerima cadangan untuk **memperluaskan** penggunaan kad Schooltrac yang dapat mengesan pelajar ponteng sekolah.  
(*Schooltrac Kesan Pelajar Ponteng Perlu Dikaji, 29 Ogos 2012*)
- b. Majlis Bandaraya Miri (MBM) bercadang **memperbesarkan** Tamu Lutong untuk membolehkan lebih ramai peniaga di sini mencari rezeki di kawasan berkenaan.  
(*MBM Cadang Perbesar Tamu Lutong, 8 September 2012*)

### iii. Imbuhan *diper-*

Imbuhan ini digunakan dengan kata adjektif untuk membawa maksud dijadikan lebih atau dijadikan bertambah, dan dalam sesetengah konteks terdapat sebilangan kecil kata nama yang hanya menerima imbuhan *diper-* untuk membentuk kata kerja, misalnya *diperalat*, *diperdaya* dan *diperkacang* (Nik Safiah Karim et al., 2011, pp. 215-216). Walau bagaimanapun, wujud penggunaan imbuhan ini dalam konteks ayat di bawah yang menyebabkan kelewahan. Hal ini sejajar dengan pernyataan Nik Safiah Karim et al. (2011, p. 182), iaitu awalan *diper-* yang bergabung dengan kata kerja *buat* akan menjadi *diperbuat* dan bentuk ini dianggap lewah bagi kata *dibuat*.

"Pada sekitar 1994, penduduk rumah panjang ini telah menarik nafas lega apabila kerajaan memasang bekalan air bersih dan elektrik walaupun pada ketika itu rumah panjang ini masih **diperbuat** daripada kayu lagi," katanya.

(*31 Ogos Tarikh Keramat Yang Wajar Diingati Setiap Warganegara Malaysia, 31 Ogos 2012*)

### iv. Apitan *diper...-i*

Berdasarkan Nik Safiah Karim et al. (2011, p. 217), apitan *diper...-i* sama seperti apitan *memper...-i*, iaitu tidak begitu produktif. Bentuk-bentuk yang lazim digunakan seperti *diperolehi*, *diperbaiki*, *diperkuasai*, *diperakui*, *diperhalusi*, dan *dipersetujui* dinyatakan sebagai bentuk terbitan yang lewah. Bentuk-bentuk ini seharusnya menerima awalan tertentu, misalnya awalan *diper-* untuk *diperoleh*, apitan *di...-i* untuk *dikuasai*, *dibaiki* atau *dihalusi*, dan apitan *di...-i* atau *diper...-kan* untuk *diakui* atau *diperakukan*. Seperti dalam penerangan ini, bentuk kelewahan juga ditemui dalam data kajian, iaitu seperti berikut;

- a. Terdapat cadangan memorandum persefahaman yang diusulkan serta **dipersetujui** kedua-dua belah pihak untuk melakukan usaha bersepadu berdasarkan kesaksamaan dan faedah bersama selain mengukuhkan lagi

hubungan mesra dan kerjasama kedua-dua bandar secara aktif membangunkan hubungan bandar mesra.

*(Korea Selatan Anggap Sarawak Negeri Berpotensi, 30 Ogos 2012)*

- b. Jelasnya, buat masa sekarang sesetengah kawasan Ulu Pandan terutama Lebus dapat dihubungi menggunakan jalan ladang kelapa sawit dan ia akan **diperbaiki** dari semasa ke semasa bagi menyenangkan penduduk setempat berulang-alik dari bandar Bintulu ke rumah panjang mereka di Lebus.  
*(Pembinaan Jalan ke Ulu Pandan Masuk Fasa Kedua, 30 Ogos 2012)*
- c. Bagaimanapun, seni tari kebudayaan di negeri ini harus **diperhalusi** dengan kajian tambahan yang lebih terperinci dan optimis.  
*(Pendedahan Tarian Tradisional Mampu Semai Semangat Cintakan Budaya, 19 September 2012)*
- d. “Sebab itu, mereka tampil berjumpa SUPP untuk memohon bantuan dan kini kami bersyukur kerana berjaya membantu mereka,” kata Lai sambil menambah berita gembira itu **diperolehi** pada Selasa minggu lepas.  
*(11 Pelajar Cina Peroleh CGPA 4.0 Terima Tajaan JPA, 29 Ogos 2012)*
- e. Beliau menambah, kelulusan terhadap kerja membaik pulih tersebut turut **diperakui** oleh MBKS.  
*(Peniaga Batu Lintang Berpuas hati Dengan Projek Baik pulih, 28 Ogos 2012)*

#### v. Imbuhan *diper-*kan

Berdasarkan Nik Safiah Karim et al. (2011, p. 214), kata kerja yang terbentuk dengan apitan *diper-...-kan* ini wujud dalam ayat pasif, iaitu ayat yang menjudulkan objek asal, dan aspek makna apitan ini membawa pengertian *terjadi* atau *disebabkan*, misalnya perkataan *dipertemukan* membawa maksud “dijadikan” atau “disebabkan bertemu”. Manakala aspek makna yang kedua membawa pengertian menyebabkan sesuatu perbuatan yang terkandung dalam maksud kata kerja dilakukan orang lain, misalnya perkataan *diperdengarkan*; menyebabkan sesuatu didengar oleh orang lain. Bentuk *diper-* adalah berbeza dengan *diper-...-kan* kerana awalan *diper-* digunakan dengan kata adjektif untuk membawa maksud dijadikan lebih atau dijadikan bertambah, misalnya *diperindah*; dijadikan lebih indah atau bertambah indah. Dalam konteks ayat di bawah, kata-kata yang digaris sewajarnya menggunakan awalan *diper-* lantaran wujud kata adjektif seperti *hebat*, *kukuh*, *luas* dan *kemas*.

- a. Jurucakap Bahagian Kutipan Dana WWF yang enggan dikenali semalam berkata kempen memulihara haiwan itu semakin **diperhebatkan** ke setiap bahagian di negeri ini.  
*(Pemuliharaan Penyuh Hidupan Liar Lain Penting: WWF, 29 Ogos 2012)*
- b. “Cuma sekarang ini adalah masalah berkaitan dengan rangkaian penerbangan perlu **diperkukuhkan** lagi dan seperti yang kita sedia maklum penerbangan terus dari Baghdad (ibu negara Iraq) ke Kuala Lumpur oleh penerbangan AirAsia dalam pertimbangan,” katanya.  
*(Pelancong Iraq Pasaran Berpotensi, 30 Ogos 2012)*

- c. Justeru kata Lawrence, sekiranya projek ini berjaya kelak, ia akan **diperluaskan** ke kawasan Pasar Malam di SABERKAS bagi memudahkan para peniaga kerana mereka tidak lagi perlu membawa bateri atau enjin jana kuasa sendiri untuk menyalakan lampu sepanjang berniaga di pasar malam tersebut.  
(Pasar malam Bandaraya Miri Galak Belia Terlibat Perniagaan, 30 Ogos 2012)
- d. Menurutnya, ia perlu **diperkemaskan** semula seiring dengan peredaran masa.  
(Semak semula Imbuan Tetap Perumahan, 29 Ogos 2012)

## 2. Kelewahan Perkataan dalam Ayat

Contoh-contoh ayat yang disertakan ini menunjukkan wujudnya penggunaan kata yang tidak diperlukan dalam binaan ayat dan menjadikan ayat tersebut tidak gramatis. Ayat tersebut sewajarnya menggunakan satu daripada dua perkataan yang digaris. Hal ini demikian kerana kata yang satu lagi perlu digugurkan kerana wujud pertindanan makna.

- i. Acara tumpuan yang **julung kali** diadakan ialah Kejohanan Layang-Layang Sukan Asia Pasifik **kali pertama**.  
(Peserta Festival Layang-layang Diraikan Majlis Jamuan Malam, 2 Oktober 2012)
- ii. Tambah Nyaring, sejak 44 tahun Rumah Semurin didirikan pada 1968 dengan **hanya** tiga pintu **sahaja** ketika itu, pelbagai pembangunan telah masuk ke kawasan rumah panjang tersebut dari tahun ke tahun.  
(Tarikh Keramat Yang Wajar Diingati Setiap Warganegara Malaysia, 31 Ogos 2012)
- iii. "Sistem sokongan yang menyalurkan bantuan ini kelak bukan **hanya** untuk wanita Bumiputera **sahaja** tetapi merangkumi mereka yang bukan Bumiputera kerana ia dinilai berdasarkan kepada keperluan mereka," tambahnya.  
(Ibu Tunggal Bukan Islam Dibantu, 29 Ogos 2012)
- iv. Walaupun hidup dalam masyarakat majmuk dan berlainan agama, ia tidak menjadi penghalang untuk rakyat negeri ini untuk terus kekal bersatu dan **saling hormat-menghormati** antara satu sama lain.  
(Perbezaan Bukan Penghalang Untuk Hormat-menghormati, 2 Oktober 2012)
- v. **Selain itu** ia **juga** diharap dapat memupuk perpaduan dalam institusi pendidikan selain membentuk nilai murni.  
(Detik Ambang Merdeka SMK Sibu Jaya Berlangsung Dengan Jayanya, 31 Ogos 2012)
- vi. Suasana **hiba** dan **pilu** menyelubungi kawasan tanah perkuburan terbabit sebaik sahaja mayat mendiang yang dibawa menaiki lori Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tiba.  
(Mayat Mendiang Nathaneil Selamat Dikebumikan, 29 Ogos 2012)
- vii. Bercakap kepada pemberita semasa mengadakan **pemeriksaan** dan **tinjauan** ke jalan raya di kawasan tersebut semalam, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Bawang Assan Dato Sri Wong Soon Koh berkata, salah satu projek naik taraf ialah di sebuah jalan curam di persimpangan Jalan Hock Ming bagi menjamin keselamatan pengguna.

*(Kerja-kerja Naik Taraf Jalan di Sg. Bidut Dilaksana Tidak Lama Lagi, 29 Ogos 2012)*

- viii. **Antara nama-nama** besar yang akan memeriahkan persidangan ialah Dan Brickley daripada Google Inc, Hiroaki Kitano (Sony Inc), Francesca Rossi (Universiti Padova, Itali), Karen Coyle (Konsultan Pusat Sumber Digital, Amerika Syarikat) dan Andreas Dengel (Pengarah Saintifik, Pusat Penyelidikan AI Jerman).  
*(Persidangan Kepintaran Buatan dan Teknologi Semantik Direalisasikan Dengan Sokongan SCB, 29 Ogos 2012)*
- ix. **Antara barang-barang** yang hilang termasuk peralatan elektrik, barang kemas, jam tangan, telefon bimbit dan wang tunai yang tidak dapat diketahui nilainya.  
*(Pegawai Mahkamah Kerugian RM10000 Rumah Dipecah Masuk, 1 Oktober 2012)*
- x. Katanya perpecahan dilihat semakin ketara pada waktu ini jika dilihat kepada pergelutan dan konflik dalaman yang amat dasyat yang sedang berlaku di **kebanyakan negara-negara** Islam di Timur Tengah.  
*(Umat Islam Harus Terus Bersatu, 18 September 2012)*
- xi. "**Kebanyakan kes-kes** yang dimaklumkan dari Kuching, Sarikei, Sibul, Samarahan dan Kapit," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.  
*(Kes Baharu HFMD Menurun, Kata Pengarah Kesihatan, 4 Ogos 2012)*

### Rumusan

Pengutaraan masalah penggunaan tatabahasa, khususnya melibatkan aspek kelewahan dalam penulisan laporan akhbar seperti ini sewajarnya dipandang dari sudut yang positif dan terbuka oleh penulis dan pihak yang terlibat dalam penghasilan serta pengembangan media ini. Dalam menyampaikan kandungan berita dan juga tajuk berita, satu strategi yang sama digunakan, iaitu menarik perhatian pembaca dengan menggunakan kata-kata tertentu (Asmah Omar, 2007, p. 121). Dalam ruang lingkup ini, sungguhpun penulis mempunyai kapasiti untuk melaporkan berita menggunakan gaya bahasa dan kepengarangannya tersendiri, namun satu perkara penting yang harus diteliti ialah unsur bahasa yang terkandung dalam laporannya, iaitu sama ada mematuhi hukum bahasa atau mementingkan kandungan yang bersifat sensasi bagi menarik perhatian pembaca semata-mata. Kewujudan unsur yang bersifat membazir dalam ayat perlu dielakkan agar sesuatu penulisan akan lebih padat dan ringkas serta dapat menyampaikan mesej kepada pembaca dengan lebih mudah. Secara keseluruhan, langkah mendaulatkan bahasa Melayu harus diperhebat menerusi semua medium agar bahasa ini terus berupaya menjadi bahasa ilmu dan dipandang tinggi oleh semua pihak, sesuai dengan statusnya sebagai bahasa rasmi negara.

### Rujukan

- Asmah Omar. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. (2007). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lee, L. F., & Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Petunjuk bahasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.